

Imej Muhyiddin tunjang kekuatan PN

UM-22/9/2020 mlk: 9

KOTA KINABALU: Kekuatan Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah terletak pada imej dan kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perkara itu ditegaskan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee yang melihat penyokong tegar gabungan Warisan Plus turut mengakui kecekapan pentadbiran Perdana Menteri terutamanya menguruskan pandemik Covid-19.

Beliau berkata, kepimpinan dan dasar-dasar kerajaan Persekutuan hari ini diterima baik rakyat Sabah termasuk masyarakat Cina.

“Bila kita maklumkan PN ini merupakan parti Muhyiddin, mereka ini terus senyum. Tidak berikan reaksi negatif. Pasti seperti mana yang dilaporkan media mengenai imej Perdana Menteri sangat memberikan kesan dalam kalangan pengundi Cina yang sokong pembangkang di Sabah.

“Gambaran besar, imej Tan

Sri Muhyiddin bagus,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini kelmarin.

Dalam pada itu, bekas Bendahari UMNO, Datuk Seri Salleh Said Keruak berkata, meskipun parti Warisan konsisten memainkan sentimen anti-Malaya, majoriti rakyat negeri Di Bawah Bayu jelas menzahirkan keinginan untuk melihat sebuah kerajaan negeri yang bekerjasama dengan Persekutuan.

“Saya lihat majoriti mahu ubah balik kerana mereka sedar Warisan menjadi pemerintah, tiada kemajuan yang berlaku. Mereka hanya bermain politik semata-mata,” katanya yang juga calon Barisan Nasional (BN) di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Usukan.

Dalam pada itu, Pengerusi PN Sabah, Datuk Hajiji Noor menegaskan, akujanji Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang dilihat relevan mampu menjadi kayu ukur bagi pengundi untuk membawa Sabah ke era baharu.